

# Kerajaan tak tunduk ugutan dalam usaha hapus rasuah

Anwar tegaskan tidak tolak ansur dengan kawan atau lawan demi selamat negara, bela nasib rakyat

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim dan Fahmy A Rosli  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Kerajaan MADANI tidak akan bertolak ansur atau tunduk kepada sebarang ugutan, sama ada daripada kawan atau lawan dalam usaha memerangi rasuah, tegas Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, kerajaan akan terus bertindak tegas bagi menyelamatkan negara supaya wang yang diselamatkan digunakan untuk membela nasib rakyat.

“Saya baru menghadap Yang di-Pertuan Agong dan antara tema utama dipersembahkan ialah mengenai langkah tegas kebelakangan ini dan juga mutakhir ini terhadap rasuah yang menular di peringkat atasan.

“Saya tentunya menyampaikan maklumat terkini cuma menekankan bahawa kita tidak akan bertolak ansur tidak akan menerima apa-apa ugutan daripada mana-mana pihak dan kita akan tegas menghadapi masalah ini sama ada kawan atau lawan,” katanya pada sidang media khas di sini, semalam.

Anwar berkata, Kerajaan MADANI sudah menegaskan antara dasar utamanya adalah menekankan isu tatakelola dan menghapuskan amalan rasuah, tetapi masih ada kes membabitkan dua aspek itu berlaku.

“Masih ada saki-baki yang terperangkap dengan kerangka dan pola budaya lama yang bobrok.

“Malah, beberapa tindakan sudah diambil yang membabitkan juga anggota pentadbiran termasuk di pejabat saya.

“Juga rakan dari parti komponen dalam Kerajaan Perpaduan, angkatan tentera dan penjawat awam,” katanya.

Mengenai krisis Kemboja-Thailand, Anwar berkata, Malaysia menzahirkan penghargaan penuh susulan persetujuan kedua-dua negara memperkukuh



Anwar pada sidang media khas di bangunan Perdana Putra, Putrajaya, semalam. (Foto BERNAMA)

gencatan senjata melalui rundingan secara langsung di China.

## Rakam penghargaan

Katanya, peralihan yang cepat untuk menghentikan permusuhan kepada rundingan susulan tersusun mencerminkan tekad untuk mencegah berulangnya konflik, sekali gus menstabilkan situasi secara lebih mampan.

“Saya merakamkan penghargaan kepada China atas perannya menjadi tuan rumah rundingan ini dan menyediakan suasana yang membolehkan kedua-dua pihak memberi tumpuan kepada langkah praktikal bagi mengurangkan risiko dan membina semula keyakinan,” katanya yang juga Pengerusi ASEAN 2025.

Bermula esok, Pengerusi ASEAN diambil alih oleh Filipina. Dalam pada itu, Anwar turut mengiktiraf peranan dimainkan oleh Presiden Amerika Syarikat (AS), Donald Trump, dalam membantu merealisasikan Perjanjian Damai Kuala Lumpur.

Anwar juga berkata, Malaysia tidak terkesan dengan sebarang kritikan ketika memainkan peranan sebagai mediator dalam meredakan ketegangan antara

Thailand dan Kemboja.

Katanya, pihak yang meragui usaha berkenaan tidak mengetahui fakta sebenar berhubung usaha yang dilaksanakan berhubung perkara itu.

Anwar berkata, tidak boleh berlaku kembali kegunaan berskala besar di Gaza, sambil memberi amaran bahawa sebarang kebangkitan semula konflik hanya akan membawa penderitaan yang tidak dapat diterima kepada orang awam.

“Mengenai Gaza, saya mengambil maklum perbincangan terkini yang diadakan di Florida, AS yang bertujuan menangani fasa seterusnya proses keamanan.

“Perlu jelas, tidak boleh ada kembalinya kegunaan berskala besar. Sebarang kebangkitan semula akan mengenakan kos yang tidak dapat diterima kepada orang awam serta terus mengahakis prospek keamanan yang sedia rapuh,” katanya.

Beliau berkata, Malaysia juga membantah pengiktirafan Israel terhadap sebuah wilayah dipanggil Somaliland, termasuk sekiranya ia dijadikan destinasi pemindahan paksa atau pengusiran rakyat Palestin dari Gaza.